



E-BULETIN ACIS

MENGGAPAI ANGKASA, MEREALISASI CITA-CITA

Kembali selepas daripada naskhah terakhir, E-Buletin ACIS edisi keempat MAC 2024 menampilkan tema 'menggapai angkasa, merealisasi cita cita'. Selari dengan matlamat mendokong wawasan UiTM ke arah *Globally Renowned University* menjelang 2025, ACIS komited dalam meningkatkan *visibility* fakulti ke persada antarabangsa. Beberapa siri projek memperkukuh hubungan baik bersama organisasi di peringkat antarabangsa telah dijalankan antaranya bersama kedutaan Arab Saudi, Qatar, Jordan, Kuwait dan rakan strategik sekitar Thailand, Indonesia, Brunei dan Jepun. Edisi kali ini juga merangkumkan dua tahun pentadbiran YBhg. Profesor Dr Mohd Afandi Mat Rani sebagai dekan ACIS.

MENARIK EDISI KEEMPAT:

MISI PENGANTARABANGSAAN ACIS:
ARAB SAUDI, QATAR, JORDAN, KUWAIT, IRAQ,
JEPUN, INDONESIA, BRUNEI & THAILAND

SEMINAR ANTARABANGSA
ICIS, ISPS & IPCIS

MEMPERKASA
ENTITI
KECEMERLANGAN

MOU &
MOA

ACIS &
KOMUNITI





PROGRAM KTP/USR: STAR TUBA 1.0

Islamic Astronomy & Solar Astrophysics (IASA) ialah sebuah entiti kecemerlangan di UiTM. IASA menggabungkan kepakaran astronomi/falak dari Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) dan Fakulti Sains Gunaan (FSG) termasuk kampus cawangan.

Salah satu inisiatif IASA dalam pemindahan ilmu kepada komuniti (knowledge transfer) ialah melalui program STAR TUBA (STREAM Skills Through Astronomical Research). Program ini merupakan payung kepada beberapa aktiviti untuk mencapai sasaran Performance Indicator (PI) tertentu.

Program ini melibatkan rakan strategik seperti Bahagian Zakat, Sedekah dan Wakaf (ZAWAF) UiTM, Malaysian Space Agency (MYSA) (MOSTI), Jabatan Mufti Negeri Kedah (JMNK), Noba Resort Langkawi, Masjid Selat Bagan Nyior (Pulau Tuba), Maahad Tahfiz Sulaymaniyyah Langkawi, Sekolah Kebangsaan Selat Bagan Nyior dan lain-lain.

Melalui program ini, bukan sahaja STEM, tetapi paduan agama (religion) dan seni (art) – STREAM, peserta akan merasai immersive experience sebagai seorang ahli astronomi dalam penyelidikan pemantauan kualiti langit malam, penentuan arah kiblat dan peluang menggunakan fasiliti astronomi bertaraf penyelidikan di Observatori Negara Langkawi (ONL).

Selain dari itu, program ini merupakan platform bagi melaksanakan University Social Responsibility (USR) dengan komuniti setempat disamping menggalakkan kesukarelawanan dikalangan warga UiTM.

Jenama STAR (TUBA) mempunyai potensi untuk dikembangkan sebagai acara KTP/USR tahunan dalam rangka pemindahan ilmu melalui promosi astronomi, SDGs dan mengeratkan jaringan bersama komuniti dan rakan strategik.





اُنِيُوْزْ سِيْطِيْ تِيْكَوْلُوْجِيْ مَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Akademi
Pengajian Islam
Kontemporari

AKADEMI PENGAJIAN ISLAM KONTEMPORARI

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UITM)
40450 SHAH ALAM
SELANGOR DARUL EHSAN
MALAYSIA



<https://acis.uitm.edu.my>



korporatacis@uitm.edu.my



+603- 5544 2650



[acis.uitm](#) 



Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar, serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA terlebih dahulu.